



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

**DIKELUARKAN PADA: 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**STATUS KUALITI UDARA**

Pada 26 Oktober 2015 (Isnin), bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam **12.00 tengah hari** menunjukkan 17 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 32 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **1 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap ‘tidak sihat’ iaitu Pasir Gudang, Johor (105).**

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di ‘Google Play’ atau ‘App Store’.

Status kualiti udara pada tahap tidak sihat di kawasan tersebut masih disebabkan oleh pencemaran jerebu merentas sempadan dari Kalimantan, Indonesia. **Pengaruh kehadiran Taufan CHAMPI sudah berkurangan kerana arah tiupan angin dari timur sudah bermula pada 25 Oktober 2015 dan dijangka akan meredakan keadaan berjerebu di negara kita. Mulai tempoh tersebut juga, cuaca dijangka menjadi lebih lembab dengan hujan serta ribut petir dijangka berlaku di kebanyakan tempat pada lewat petang dan awal malam di seluruh negara.**

## **BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 25 Oktober 2015, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 mengesan sebanyak 16 titik panas (hotspot) di Sumatera, Indonesia manakala di Kalimantan 74 titik panas (hotspot) dikesan disebabkan cerapan satelit tidak menyeluruh dan diliputi oleh awan. Di dalam negara pula 4 titik panas (hotspots) dikesan iaitu 3 di Pahang dan 1 di Sarawak.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASMC* pada 25 Oktober 2015 adalah seperti di **Rajah 1**. Berdasarkan peta tersebut, sebahagian asap jerebu tebal dan sederhana dari Sumatera Tengah dan Selatan dan dari Kalimantan Tengah mula bergerak ke arah Lautan Hindi dan Laut China Selatan disebabkan oleh arah tiupan angin dari timur.

## **TINDAKAN DI PERINGKAT SERANTAU**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia (NRE) dan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air, Singapura (MEWR) dalam Kenyataan Akhbar Bersama setelah menghadiri Mesyuarat Kerjasama Alam Sekitar antara Malaysia dan Singapura pada 23 Oktober 2015 di Singapura, telah berbincang dan menyatakan kebimbangan ke atas kejadian jerebu merentas sempadan yang berlaku setiap tahun dan menjejaskan kehidupan rakyat Malaysia, Singapura dan di rantau ini. Kedua-dua Menteri bersetuju untuk mempertingkatkan usaha di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa untuk mencegah kejadian berulang jerebu merentas sempadan. Kedua-dua Menteri juga menggesa supaya semua negara ASEAN mematuhi obligasi di bawah Perjanjian ASEAN Menangani Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan di mana semua negara ASEAN adalah parti.**

**YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) akan menghadiri Mesyuarat Ke-11 'Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution' pada 28 Oktober 2015 di Hanoi, Viet Nam, yang merupakan mesyuarat pertama semenjak ke semua Negara anggota ASEAN meratifikasi Perjanjian. Malaysia akan terus menggesa dan berkerjasama dengan pihak Indonesia untuk mencari penyelesaian dan pencegahan jerebu merentas sempadan secara lebih berkesan.**

Operasi bantuan pemadaman kebakaran di Sumatera, Indonesia telah bermula pada 11 Oktober 2015 yang melibatkan mobilisasi pesawat ‘Bombardier CL 415’ milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi operasi pengeboman air (water bombing) di kawasan-kawasan kebakaran. Operasi bantuan pemadaman fasa pertama tersebut berakhir pada 19 Oktober 2015 dan pesawat ‘Bombardier CL 415’ beserta pasukan misi pemadaman telah kembali ke tanah air pada 20 Oktober 2015.

### **TINDAKAN TERKINI DI PERINGKAT TEMPATAN**

Jabatan Alam Sekitar (JAS), NRE berterusan memantau rapi bacaan IPU di seluruh negara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udaranya. Mekanisme tindak balas (*response mechanism*) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** di mana tindakan terkini adalah pembenihan awan oleh Pihak Meteorologi Malaysia yang telah dijalankan mulai 22 Oktober 2015.

### **TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA**

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 25 Oktober 2015, sebanyak 3,579 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (603 kes), kawasan pertanian (1213 kes), kawasan industri (21 kes), kawasan pembinaan (82 kes), tapak pelupusan sampah (97 kes), kawasan belukar (692 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (871).

Bagi tempoh yang sama, sebanyak 229 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 16 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 42 kes telah dikeluarkan Surat Arahan. Selain itu, sebanyak 23 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

## **NASIHAT KEPADA ORANG AWAM**

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.


Semasa keadaan berjerebu, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengelakkan dari berada di luar rumah, mengurangkan aktiviti riadah luar dan sekiranya perlu berada di luar hendaklah memakai penutup hidung dan mulut (mask) serta mendapatkan nasihat kesihatan dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di alamat <http://www.infosihat.gov.my>.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**26 Oktober 2015**

PETA JEREBU SERANTAU, 25 OKTOBER 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



**Regional Haze Update**

Sumatra and Kalimantan remained shrouded in widespread smoke haze. Some haze from Kalimantan continued to spread to the southern parts of the South China Sea.

Updated 7:46 PM 25 Oct